UOBAM (Malaysia) is optimistic of global economic rebound as central banks are expected to maintain low interest rates this year

Headline : UOBAM sasar capai AUM RM30 juta bagi UUWPF

dalam tempoh tawaran permulaan

Media : <u>www.bernama.com/bm/</u>

Date : 31 March 2021

Page : https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1

947477

EKONOMI

UOBAM sasar capai AUM RM30 juta bagi UUWPF dalam tempoh tawaran permulaan



BERNAMA.com

31/03/2021 05:19 PM

KUALA LUMPUR, 31 Mac – UOB Asset Management (Malaysia) Bhd (UOBAM) menyasarkan untuk mencapai aset di bawah pengurusan (AUM) sebanyak RM30 juta bagi United UWealth Pop Fund (UUWPF) yang baru dilancarkan dalam tempoh tawaran permulaannya berakhir 14 April, 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif UOB Kay Hian Wealth Advisors Sdn Bhd Alvin Tan berkata dana itu adalah penyelesaian pelbagai aset yang melabur dalam portfolio ekuiti yang pelbagai dan dana pendapatan tetap serta dana perdagangan pertukaran (ETF), yang diwujudkan untuk membantu pelabur runcit memanfaatkan pemulihan ekonomi.

"Dari segi jumlah pelabur, kami sebenarnya tidak mempunyai had berikutan ini adalah dana terbuka. Kami juga mahu menjadikannya sebagai umum kepada orang ramai. Oleh itu, kami menjadikan jumlah pelaburan serendah RM1,000 dan kami mempunyai pelan simpanan biasa untuk pelabur dengan minimum RM100.

"Bagi golongan muda yang suka menabung dan melabur, ini merupakan peluang yang baik untuk mereka memasuki pasaran. Itu adalah matlamat Pop Fund ini pada dasarnya," katanya pada taklimat media secara maya pada pelancaran dana itu semalam (30 Mac).

UUWPF diedarkan secara eksklusif oleh UOB Kay Hian.

Tan berkata syarikat menyasarkan untuk memberikan penyelesaian kewangan yang diuruskan secara profesional, bersesuaian dan yang terbaik untuk memenuhi keperluan peribadi setiap pelabur melalui platform pelaburannya.

"Platform kami terdiri daripada penyelesaian pengurusan kekayaan yang pelbagai dengan pelbagai produk seperti unit amanah, skim persaraan swasta, pendapatan tetap, bon dan produk berstruktur. Kerjasama dengan UOBAM menyokong matlamat kami untuk menjadi sebuah firma penasihat kekayaan bebas terkemuka di Asia," katanya.

UOBAM (Malaysia) is optimistic of global economic rebound as central banks are expected to maintain low interest rates this year

Bersesuaian untuk pelabur runcit dengan profil risiko yang sederhana, UOBAM berkata UUWPF akan memberikan dividen pendapatan tahunan dan peningkatan modal dalam tempoh pelaburan jangka sederhana hingga jangka panjang.

"Dana ini menggunakan strategi 1 'fund-of-funds' (ΓοΓ), melabur sekurang-kurangnya 80 peratus daripada nilai aset bersih (NAV) dalam ekuiti dan dana pendapatan tetap serta ETF, berbanding melabur secara langsung dalam sekuriti seperti saham dan bon. Bakinya dilabur dalam aset cair seperti instrumen pasaran wang dan deposit," katanya.

Melalui algoritma penasihat robo UOBAM, yang menyepadukan andaian pasaran modal 2 firma, pengurus portfolio mengoptimumkan pelaburan UUWPF dengan peruntukan yang cekap dalam sektor dan geografi, seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Asia, termasuk Jepun dan Malaysia.

"Pelaburan dalam portfolio yang dipilih bersifat cair, pelbagai dan mempunyai fi yang rendah untuk memaksimumkan pulangan kepada pelabur runcit," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif UOBAM Lim Suet Ling berkata dengan menggabungkan teknologi penasihat robo syarikat dengan imbangan semula berkala oleh pengurus portfolionya, UOBAM dapat memastikan pengurusan UUWPF yang cekap, sejajar dengan pergerakan pasaran.

"Melalui cara ini, portfolio pelaburan akan mencatatkan aliran pendapatan yang stabil dan potensi keuntungan modal, selain terus berdaya tahan walaupun semasa pasaran tidak menentu," katanya.

Bagi memacu pemulihan ekonomi dan mengekalkannya pada landasan selamat, katanya bank pusat di seluruh dunia dijangka mengekalkan dasar monetari mereka yang amat mudah dan dijangka tidak menaikkan kadar faedah.

"Dengan melabur dalam portfolio pelbagai aset yang pelbagai, pelabur runcit dapat meraih manfaat daripada hasil aset pendapatan tetap dan potensi pulangan modal ke atas ekuiti," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Pelaburan UOBAM Francis Eng berkata syarikat menjangka akan menyaksikan pemulihan ekonomi global selepas kemelesetan di seluruh dunia pada tahun lepas berikutan pandemik COVID-19.

"Keadaan semakin bertambah baik. Pada 2021, kita akan menyaksikan kelancaran dari segi pelaksanaan vaksin COVID-19 yang akan menetapkan ekonomi di landasan normal.

"Pada 2020, walaupun ekonomi mengalami kemelesetan, pasaran kewangan mencatatkan prestasi yang baik di sebalik kemelesetan berikutan dasar-dasar kerajaan yang tidak pernah dilaksanakan sebelum ini, dari segi fiskal dan rangsangan monetari.

"Ini membantu menyokong pemulihan harga aset yang amat ketara dan kami berpendapat rangsangan akan berterusan dan akan terus menyokong harga aset hingga tahun ini," katanya.